

04 JAN 2000

Pekerja-Komputer

PERHIMPUNAN BESAR-BESARAN SERIBU KOMPUTER UNTUK GOLONGAN PEKERJA

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan melancarkan satu perhimpunan besar-besaran yang mengumpulkan pekerja dengan seribu komputer bulan depan bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan pekerja di negara ini.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata perhimpunan itu akan diadakan pada 17 Febuari ini di Stadium Putra, Komplek Sukan Negara Bukit Jalil dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan cara ini, kita berharap akan dapat mempertingkatkan tahap penggunaan teknologi maklumat di negara ini dengan sokongan pihak swasta untuk mengumpul seribu unit komputer dalam masa satu hari," katanya selepas merasmikan Makan Malam Ulangtahun Ke-15 Pertubuhan Penganut Dewa Xian Ling Gong di Petaling Jaya.

Beliau berkata ia bertujuan memberikan latihan teknologi maklumat kepada lebih 80,000 pekerja di negara ini dalam masa yang singkat bagi meningkatkan kemahiran mereka.

"Kita akan tunjukkan dalam masa sejam, dua jam mereka boleh menggunakan komputer dan memahirkan diri mereka dalam bidang teknologi maklumat," katanya.

Beliau juga berkata pada tahun ini beberapa program lain turut akan dilancarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berteknologi maklumat.

Katanya, Kementerian Sumber Manusia sedang bekerjasama dengan beberapa syarikat multinasional antarabangsa (MNC) untuk membawa balik pakar-pakar teknologi maklumat.

Ini terutamanya pakar teknologi maklumat rakyat Malaysia yang sedang berkhidmat di Singapura, United Kingdom dan Lembah Silicon di Amerika Syarikat.

"Kita akan bekerjasama dengan MNC seperti Motorola untuk menyampaikan dasar baru kerajaan yang menggalakkan mereka ini kembali bekerja di negara sendiri termasuk memberikan bantuan kepada ahli-ahli keluarga mereka," katanya.

Dr Fong berkata kerjasama dengan MNC itu merupakan langkah pertama untuk memastikan Malaysia mempunyai pakar teknologi maklumat yang mencukupi bagi menjamin era baru K-ekonomi Malaysia di masa akan datang.

-- BERNAMA

AT HS ZB